

## Recent Malay Books from Malaysia – March 2024

Mary Martin Booksellers Pte Ltd  
Blk 231, Bain Street  
#03-05, Bras Basah Complex  
Singapore 180231  
Tel : +65-6883-2284/6883-2204  
[info@marymartin.com](mailto:info@marymartin.com)  
[www.marymartin.com](http://www.marymartin.com)

### *Anthropology*

Warisan Sakral Nusantara / (Eds) Aiza Maslan @ Baharudin, Wan Hasmah Wan The  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024  
xviii, 198p.  
Include Index & Bibliography  
9789674618421  
\$ 20.50 / PB  
375gm.

Buku ini memberi fokus kepada warisan sakral sama ada yang masih wujud serta diamalkan, mahupun yang telah lama ditinggalkan oleh masyarakat, umumnya di Nusantara. Sakral secara khusus bermaksud suci, mempunyai kuasa khas malah ajaib serta luar biasa, sering dikaitkan dengan hal yang bersifat kudus, transenden, misteri dan sempurna serta mempunyai kesan transformatif kepada kehidupan dan takdir masyarakat yang mengamalkan dan menganutinya.

Biarpun dunia kini telah semakin maju dan menjunjung tinggi nilai sains dan teknologi dalam kehidupan dan pembangunan negara, hakikatnya masyarakat yang menjadi asas kemajuan itu adalah manusia yang pernah tinggal dan merasai pengalaman sakral yang dilaksanakan dan dipercayai oleh generasi terdahulu.

Sakral adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan dipelajari secara tidak langsung oleh semua kelompok masyarakat dan wajar untuk dijadikan warisan dan rujukan kepada generasi akan datang tentang konsep "suci" yang pernah menjadi tonggak kepada kebudayaan dan adat istiadat sesebuah masyarakat.

Konsep suci ini menyangkut hal-hal yang wajib diterima tanpa bantahan dan diakui benar-benar terjadi tanpa pembuktian dan hanya bersandarkan cerita dan kepercayaan orang tua-tua yang pernah mengalami, mendengar kembali atau mengaitkan amalan tersebut dengan peristiwa dahsyat yang pernah terjadi puluhan tahun malah ribuan tahun sebelumnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868382>

---

### *Architecture*

Rintis Refleksi Praktis Dan Teori Dalam Seni dan Reka Bentuk / (Ed) Mohd Alif Ikrami Mutti, Nur Hilyati Ramli  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024  
xii, 80p.  
Include Index  
9789674618087  
\$ 16.50 / PB  
185gm.

Inovasi dan kreativiti bukanlah sesuatu yang boleh diolah dalam sekelip mata. Ia memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu isu yang ingin diselesaikan, dan disudahkan melalui proses berlandaskan fakta, teori dan kemahiran terlatih. Buku ini membawakan variasi hasil karya seni, bersembahan dan reka bentuk daripada disiplin ilmu yang berbeza seperti seni halus, drama dan teater, reka bentuk produk, reka bentuk grafik dan reka bentuk media baharu sebagai panduan, inspirasi dan pengetahuan kepada pembaca untuk meneladani isu dan kaedah penyelesaiannya melalui kajian inovasi dan kreativiti. Penulisan dalam buku ini merupakan refleksi praktis dan teori dalam seni dan reka bentuk daripada penyelidikan karya-karya yang telah dipamerkan di RINTIS - sebuah pameran tahunan pelajar-pelajar tahun akhir di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868383>

---

### *Biography / Memoirs*

Membangun Wadah Baharu: Menuju Puncak Redha / Saari Sungib  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia: Ilham Books, 2024

412p.

9789670067148

\$ 27.50 / PB

475gm.

Setelah pulang berpetualangan di bumi Inggeris ke tanah air, Saari Sungib meneruskan kerja-kerja dakwah dalam suasana dan cabaran baru yang jauh lebih kompleks berbanding di United Kingdom. Di samping membina kerjaya dan keluarga pada masa yang sama, usaha-usaha dakwah diteruskan dengan membangun sebuah wadah baharu yang menghimpunkan aktivis-aktivis dakwah serata dunia terutamanya dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Mesir, Jordan dan lain-lain. Pelbagai mehnah dan tribulasi dihadapi sama ada daripada faktor dalaman mahupun luaran tidak mematahkan semangat beliau dan rakan-rakan dalam misi dakwah dan gerakan mereka melalui prinsip "fastabiqul khairat".

Buku ini adalah siri ke-3 daripada keseluruhan lima jilid autobiografi Saari Sungib, "Menuju Puncak Redha".

<http://www.marymartin.com/web?pid=868384>

---

Nordin Ahmad: Permata Seni Terbilang / Hidir Ali Razali  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Suara Sinefilia, 2021

215p.

9789671789704

1. Nordin Ahmad, 1942-1971.
2. Artists—Malaysia—Biography.
3. Actors—Malaysia—Biography.

\$ 40.00 / HB

1170gm.

Di layar perak Nordin Ahmad mempamerkan gaya yang sukar ditiru oleh orang lain, penampilannya berwibawa serta contoh seorang aktor sejati. Gerak lakon Nordin Ahmad mencapai tahap sebagai seorang pemain wayang yang handal kerana kehadirannya untuk watak tertentu nyata sering tersedirah menjadikan mutu lakonannya mempunyai kelas yang tersendiri. Nordin Ahmad bijak bermain mood menerusi gesture yang bijak dikawalinya, air muka yang bersahaja serta intonasi suara yang kemas dan teliti. Hasilnya, persembahan Nordin Ahmad berada dalam gred A dan wajar menjadi contoh kepada para pelakon muda di masa kini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868385>

---

## *Children Books*

Pantun Untuk Anak: Siri 1 / Aina Mastura Mohamed Saaid  
Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2023  
72p.  
9789672378969  
\$ 10.00 / PB  
75gm.  
<http://www.marymartin.com/web?pid=868386>

---

Pantun Untuk Anak: Siri 2 / Aina Mastura Mohamed Saaid  
Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2023  
77p.  
9789672378976  
\$ 10.00/ PB  
55gm.

Book Details:  
Embun menitik menjelang dinihari,  
Bayu dingin bukan halangan:  
Nila setitik mencemar diri,  
Solat tak ingin, cipta kekangan.

Petik pegaga jolok bidara,  
Buah kemiri perisa hidangan:  
Adab dijaga etika terpelihara,  
Santun Lestari dilupa jangan.  
-Dr. Nazariyah Sani-  
<http://www.marymartin.com/web?pid=868387>

---

## *Economics*

Takaful Mikro untuk Warga Emas / Asiah Kamal, Mohammad Taquiuddin Mohamad, Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024  
xii, 176p.  
Include Index  
9789674617752  
\$ 21.00 / PB  
310gm.

Takaful mikro merupakan skim perlindungan yang ditawarkan kepada golongan berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar, bekerja di sektor tidak formal, malahan kepada segmen yang tidak disasarkan oleh takaful komersial dan takaful sosial. Warga emas yang disasarkan dalam penawaran takaful mikro ini adalah golongan yang berumur 60 tahun dan ke atas. Isu ini dijadikan fokus perbincangan berikutan jangkaan peningkatan bilangan warga emas di Malaysia yang mendorong ke arah pencapaian status negara tua pada tahun 2030 dengan 5.6 juta orang warga emas, iaitu 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara ini. Oleh itu, buku ini memperkenalkan model takaful mikro secara komprehensif yang membincangkan model dana tambahan, model strategi penawaran dan manfaat perlindungan yang sesuai diaplikasikan untuk memastikan kerelevanan penawaran skim takaful mikro ini. Bahkan, model ini telah memperoleh pengesahan daripada wakil industri dan pakar akademik yang terlibat selaku penasihat syariah

bagi penilaian kelulusan penggunaan dana tambahan daripada sumber wakaf, dana tanggungjawab sosial korporat, zakat dan kombinasi dana daripada pelbagai sumber. Buku ini sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada pelbagai pihak, terutamanya Bank Negara Malaysia, institusi kewangan, industri insurans dan takaful, kerajaan pusat, kerajaan negeri, Majlis Agama Islam Negeri, badan bukan kerajaan, ahli akademik, masyarakat awam dan seterusnya para pelajar untuk memahami konsep penawaran dan perlindungan takaful mikro untuk warga emas.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859787>

---

### *Education*

Perintah Kawalan Pergerakan: Isu Pendidikan dan Kesihatan / Norsuhally Abu Bakar, Mohd. Nordin Abdul Rahman & Zalina Zahari

Kelantan, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2023

xxvi, 204p.

9789670021843

\$ 22.50 / PB

330gm.

#### Book Details:

Buku Perintah Kawalan Pergerakan: Isu-isu Pendidikan dan Kesihatan ini menghimpunkan 10 bab yang memberi tumpuan kepada isu memperkasakan bidang pendidikan dan kesihatan semasa dan pascapandemik COVID-19. Garapan yang teratur dan tersusun dengan tema-tema yang menarik terkandung di dalam buku ini dan pastinya sesuai untuk dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pelbagai pihak sama ada mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan atau kesihatan seperti guru, pensyarah, penyelidik, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah, pegawai psikologi dan kaunseling, pekerja sosial, pegawai kesihatan dan perubatan, mahupun mereka yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan pendidikan dan kesihatan. Buku ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada individu yang ingin mendapatkan pengetahuan lanjut tentang pembangunan pendidikan dan kesihatan di Malaysia khususnya semasa dan pascapandemik COVID-19.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868388>

---

Dinamika Orientasi Pemikiran Dan Pendidikan Institusi Pondok Di Kelantan / Nik Yusri Musa, Nur Azuki Yusuff & Ateerah Abdul Razak

Kelantan, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2023

xviii, 118p.

9789670021881

\$ 20.00 / PB

215gm.

Buku ini mengetengahkan realiti semasa aliran pemikiran warga pondok serta dinamika sistem pendidikan institusi pondok yang pelbagai mengikut jenis dan klasifikasinya. Kepelbagaian bentuk institusi pondok semasa dan permasalahan yang dihadapi menuntut pelarasan sistem dan pemerksaan fungsinya dalam masyarakat. Pendedahan sistem pengajian dan buku rujukan yang tidak selaras serta orientasi baharu institusi pondok ini penting bagi melihat perbezaan pondok kini dan pondok era awal kegemilangannya dahulu. Penerimaan masyarakat Islam setempat juga diketengahkan bagi menampakkan relevansi dan kewajaran dalam meningkatkan fungsi serta kepentingannya. Pembaca akan dapat melihat kelainan orientasi pondok semasa dan menentukan hala tuju demi merencanakan lagi perkembangan institusi pendidikan Islam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868389>

---

Pendekatan Pengajaran Teaching Games For Understanding Melalui Permainan Tradisional /  
Mohamad Fadil Ibrahim, Garry Kuan, Hairul Anuar Hashim & Nurul Azuar Hamzah  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023  
viii, 88p.

9789674616533

1. Educational games-Malaysia.
2. Games-Malaysia.
3. Teaching-Methodology.

\$ 28.00 / PB

165gm.

Pendekatan Pengajaran Teaching Games for Understanding melalui permainan tradisional ini adalah bertepatan dengan prinsip pengajaran dan pembelajaran yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang meletakkan harapan tinggi dalam melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui penerapan nilai disiplin. Selain itu, diharap mampu memberikan nilai tambah kepada aktiviti pembelajaran padaperingkat sekolah dalam memotivasikan pelajar untuk meningkatkan tahap kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan semasa mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Permainan tradisional adalah satu bentuk aktiviti fizikal yang menyeronokkan selain merupakan warisan dan kesinambungan budaya masyarakat Malaysia yang perlu dikembangkan kepada generasi muda. Konsep Teaching Games for Understanding yang diterapkan melalui permainan tradisional dalam membangunkan karakter mereka dilihat mampu memberi pengaruh yang sangat besar kepada mereka. Perubahan sosiobudaya turut memberi kesan kepada pengurangan minat dan pengetahuan kanak-kanak terhadap permainan tradisional sekiranya kanak-kanak tidak didedahkan dengan permainan ini pada seawal usia pendidikan mereka. Hal ini akan meningkatkan jurang antara permainan tradisional dan moden yang seterusnya kita tidak akan dapat mengekalkan warisan permainan tradisional daripada ditelan arus pemodenan. Permainan tradisional ini perlu dilestarikan supaya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas. Semua pihak harus memainkan peranan untuk memartabatkan khazanah budaya kita agar tidak lenyap bersama arus pemodenan dunia masa kini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868390>

---

Pendidikan Jasmani dan Perkembangan Motor Kanak-Kanak di Malaysia / Mazuin Adnan, Shazlin Shahrudin

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024

viii, 48p.

Include Index

9789674617684

\$ 18.00 / PB

130gm.

Buku ini mengupas tentang aktiviti fizikal, kesan aktiviti fizikal terhadap pertumbuhan kanak-kanak dan kaitannya dengan kemahiran motor. Ia juga menekankan kepentingan untuk mengenal pasti masalah motor pada peringkat awal kanak-kanak dan kepentingan gaya hidup aktif dalam kalangan kanak-kanak. Di samping itu, buku ini turut menyediakan beberapa panduan bagi memantau perkembangan kemahiran motor kanak-kanak ketika sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Buku ini sesuai digunakan sebagai panduan dan bacaan tambahan di institusi perguruan, matrikulasi dan universiti.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859794>

---

## *History*

Persejarahan Meniti Zaman: Sumber, Kaedah & Interpretasi / (Eds) Mahani Musa, Muhamad Hasrul Zakariah  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024  
xiv, 254p.  
Include Index  
9789674618360  
\$ 24.00 / PB  
405gm.

Buku ini mengandungi 11 bab yang membincangkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan bidang persejarahan, bermula daripada persejarahan Islam klasik hinggalah kepada perkembangan persejarahan di Alam Melayu dan Malaysia khususnya. Antara perbincangan yang terkandung dalam buku ini ialah persejarahan Islam klasik dari kurun ke-7 hingga ke-9 Masihi yang ditinjau dari sudut genre, metodologi dan sumber kajian terhadap catatan 'Rihlah Ibn Battutah' mengenai kerajaan Samudera Pasai pada kurun ke-14 Masihi serta perbincangan tentang Orang Kaya Seri Paduka Tuan Seberang yang diyakini sebagai Tun Seri Lanang berdasarkan sumber persejarahan Aceh Ma Bain-as-Salatin. Mengenai Malaysia pula, antara perbincangan penting dalam buku ini ialah potensi penulisan sejarah negeri berdasarkan sumber-sumber arkib, kepentingan teks Melayu tradisional termasuk teks undang-undang kepada kajian tentang Kesultanan Melayu, manuskrip atau catatan mengenai sejarah negeri, pemikiran dan persepsi para sarjana tentang Indianisasi di Kedah Tua, konsep sumber dalam sejarah, dan kepentingan kaedah sejarah lisan kepada penyelidikan sejarah termasuk kajian tentang tokoh. Penerokaan dari pelbagai sudut malah dari zaman yang berbeza-beza ini menunjukkan potensi bidang persejarahan untuk terus berkembang dan diceburi dengan lebih mendalam oleh penyelidik sejarah pada masa akan datang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868391>

---

Numismatik: Koleksi Syiling Dan Duit Kertas Di Jabatan Mizium Sarawak / Aldrin John Hew  
Kuching, Sarawak: Penerbit Jabatan Muzium Sarawak, 2022  
60p.  
9789839468304

1. Numismatics.
2. Numismatics-Collectors and collecting.
3. Numismatics, Ancient.

\$ 25.00 / PB

155gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868392>

---

## *Law*

Hukum Nikah Tanpa Persetujuan Wali Di Luar Negara / Nazrul Hassan  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023  
xviii, 222p.  
Include Bibliography  
9789674617882  
\$ 20.00 / PB  
305gm.

Hukum Nikah Tanpa Persetujuan Wali di Luar Negara ini menjawab pelbagai persoalan, antaranya tentang kedudukan wali yang merupakan salah satu rukun nikah. Banyak pernikahan di luar negara dijalankan tanpa mengikut syarat sah wali.

- Bolehkah pengantin perempuan mewartikan pernikahannya sendiri?
- Apa yang perlu dilakukan sekiranya wali tidak dapat dikesan dan tidak diketahui masih hidup atau telah mati?
- Bagaimana dengan pernikahan yang diwartikan oleh wali fasiq? Sah atau tidak?
- Bolehkah seorang khunsa menjadi wali pernikahan?

Buku ini disusun dengan jelas mengikut persoalan dan situasi pernikahan yang mengandungi pandangan 4 mazhab, perbincangan ulama kontemporari dan situasi semasa tentang perkahwinan yang dijalankan di luar negara tanpa persetujuan wali. Buku ini sesuai dibaca oleh segenap lapisan masyarakat dan amat berguna untuk bakal pengantin, keluarga pengantin serta wali pengantin.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859791>

---

## *Literature*

Kegawatan / Faisal Tehrani  
 Selangor, Malaysia: Kawah Buku, 2024  
 xxii, 124p.  
 9789672640554  
 \$ 15.00 / PB  
 155gm.

Kegawatan adalah novelet karya Faisal Tehrani. Novelet ini diatur dalam kerangka semi-biografi, yang menjadi struktur eksperimental dengan menempatkan imaginasi dalam konteks masa kini. Kegawatan menyelidiki pelbagai lapisan krisis: krisis psikologikal dan fizikal pada akhir zaman, krisis ideologi watak-watak yang bertentangan, dan krisis dalaman individu yang berdepan dengan diri masa lalu dan merangkul transformasinya. Krisis apokaliptik yang bersifat rekaan menggambarkan sikap Faisal dalam tahun-tahun awal penulisannya. Penuh dengan aspirasi kesucian dan kemuliaan Islam, novelet ini diutarakan sebagai alternatif kepada konsepsi hidup moden yang bersifat sendeng-Barat yang hanya menjanjikan kekecewaan. Ia mencerminkan kekesalan pasca-kolonial, tatkala sisa-sisa sejarah itu diwakili oleh golongan elit yang baru terbentuk daripada orang Melayu yang berpendidikan Inggeris, sementara bahasa dan budaya asli diabaikan sebagai kelas kedua. Oleh itu, tema utama novelet Kegawatan ini adalah hegemoni minda, suatu reaksi terhadap penyakit rendah diri dan malu alah pada budaya asli yang dominan. Pencarian maruah dan inspirasi jelas dalam bab terakhir Kegawatan, yang menyajikan wawasan potensi Melayu yang terpenuhi dan meraikan diaspora yang telah merata ke seluruh dunia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868393>

---

Intertekstualiti Dalam Novel S. Othman Kelantan / Tuan Rusmawati Raja Hassan  
 Kelantan, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2023  
 xvi, 137p.  
 9789670021706  
 \$ 20.00 / PB  
 245gm.

buku ini menumpukan pemerhatian terhadap hubungan dan proses antara teks dalam penghasilan novel Melayu. hubungan dan proses itu dikaitkan dengan intertekstualiti iaitu fenomena wujudnya teks dalam sebuah teks atau apa yang dinamakan dialog antara teks. kerangka kajian ini memanfaatkan gagasan oleh julia kristeve. Rumus intertekstual tersebut membentangkan hubungan antara hipoteks (cerpen) dengan hiperteks (novel) bagi melihat makna, proses yang diajukan dan kewajaran ia dilalukan pengarang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868394>

---

Langit Rotorua: Kumpulan Puisi / Lim Swee Tin

Kelantan, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2023  
xii, 122p.  
9789670021744  
\$ 45.00 / HB  
600gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868395>

---

Fahami Aku: Setiap Kita Punya Perjuangan Tersendiri / Faizah Ahmad  
Selangor, Malaysia: Bonda Nor Sdn Bhd, 2024  
xxx, 130p.  
9789670018454  
\$ 12.50 / PB  
170gm.

Buku Fahami Aku bukan hanya untuk orang luar memahami orang depresi, tetapi juga untuk penghidap depresi lebih memahami situasi dan keadaan orang lain. Ada banyak tips penulis kongsi dalam proses penyembuhan dan situasi yang dihadapi. Kontent yang membawa kita dekat dengan Allah. Bahasa terjaga tanpa perkataan yang tidak elok dibaca. Santai tapi sampai!

<http://www.marymartin.com/web?pid=868396>

---

Malam: Sembuhkanlah Lukaku / Bonda Nor  
Selangor, Malaysia: Bonda Nor Sdn Bhd, 2024  
120p.  
9789670018393  
\$ 15.00 / PB  
110gm.

Untuk kamu yang memendam luka dalam diam, kupersembahkan Malam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868397>

---

Alibi: Tegakkn Keadilan Walau Langit Runtuh / Ariff Azami Hussein  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia: Ilham Books, 2024  
240p.  
9789670067131  
\$ 22.50 / PB  
235gm.

Hidup di atas landasan kebenaran menjanjikan ketenangan meskipun dihamparkan dengan pelbagai liku dan cabaran. Sebaliknya, memejamkan kebatilan yang terbentang luas mengundang konflik jiwa yang berterusan.

Pertentangan antara haq dan batil dalam realiti kehidupan dunia perundangan terpaksa dihadapi oleh tiga anak muda, Hariz, Qayyum dan Aminuddin sebagai peguam bela dan timbalan pendakwa raya. Pengendalian sebuah kes jenayah yang berat membawa satu tanggungjawab besar untuk dipikul. Lebih-lebih lagi saat mereka semakin diuji dengan kemewahan dan pelanggaran sehingga menggugat kesetiaan dan menggoyahkan prinsip yang telah mereka pegang selama ini. Inilah pertarungan. Bukan tentang kalah dan menang. Tapi tentang keberanian berjuang menegakkan yang haq! Siapa yang berkata benar dia adalah pemilik kemenangan.

“Yang penting kawan-kawan, kita jadi apa pun masa depan nanti, kita pertahankan yang betul, yang haq, boleh? – Qayyum

<http://www.marymartin.com/web?pid=868398>

---

Jiwa Ke Jiwa: Fight For YOur Happiness, Do The Right Thing / Najla Adi



Selangor, Malaysia: Bonda Nor Sdn Bhd, 2024  
xii, 116p.  
9789670018515  
\$ 12.50 / PB  
110gm.

Buku motivasi pertama yang diterbitkan secara solo oleh penulis remaja terbitan Bonda Nor Sdn Bhd.

JIWA KE JIWA

Menerusi buku ini, Najla mengajak pembaca khususnya remaja untuk melakukan 2 perkara iaitu :  
Fight for your happiness.

Do the right thing.

Semoga menjadi perkongsian bermanfaat, Insya-Allah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868399>

---

Atria Pahlawan Kartika / Aina MASTura

Selangor, Malaysia: Kaseh Aries Publication Sdn Bhd, 2023

148p.

9786297509228

\$ 12.50 / PB

175gm.

Mengisahkan seorang putera raja bernama Abbas, bersama seorang robot manusia dari Kerajaan Bintang iaitu Atria Pahlawan Kartika, yang berusaha mencari serpihan meteor. Mereka berdua ingin mengalahkan tiga kuasa jahat iaitu makhluk ghaib bernama Kinyang, ahli sihir bernama Malang dan pembesar Kerajaan Pesohor, Namor.

Putera Abbas mahu mendapatkan semula Kerajaan Pesohor milik ayahandanya, Raja Gana yang telah dirampas oleh Malang dan Namor. Oleh itu, Putera Abbas menyamar menjadi rakyat biasa dan bertemu dengan Atria yang juga berada dalam persembunyian.

Adakah mereka berdua berjaya mendapatkan kesemua serpihan meteor bagi mengembalikan keamanan Kerajaan Pesohor? Ikutilah pengembaraan Abbas dan Atria dalam Atria, Pahlawan Kartika.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868400>

---

Pusaka Terakhir / Aina Mastura Binti Mohamed Saaid

Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2022

129p.

9789672378761

1. Malay fiction.

2. Malaysian fiction (Malay).

\$ 15.00 / PB

195gm.

Siapakah keturunan Pusaka yang sangat dibenci oleh Bagos? Pusaka ialah keturunan keluarga yang mempunyai kuasa Ajaib yang dikurniakan kepada mereka semasa mereka lahir. Hanya keturunan Pusaka sahaja yang mempunyai keistimewaan ini dan keluarga ini telah menetap di Kota Pawana kurun lamanya. Keturunan mereka selama ini sering membantu ramai orang, tidak kira siapa mahupun daripada kerajaan lain. Menggunakan keistimewaan yang ada, mereka sentiasa memastikan semuanya wujud dalam aman dan damai.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868401>

---

Inspirasi Kisah-kisah Dongeng: Dunia Kita / Thanusya Shanmuganathan

Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2024  
124p.  
9789672378952  
\$ 15.00 / PB  
150gm.

Kisah-kisah lama seperti Batu Belah Batu Bertangkup, Aladin dan Lampu Ajiab atau cerita-cerita daripada siri fantasi dan lagenda, sering menjadi inspirasi kepada kita. Begitu juga kisah-kisah dari Eropah atau Inggeris seperti Hansel dan Gretel, Pinocchio dan The Ugly Duckling memang banyak memberi pengajaran kepada khalayak. ANTOLOGI CERPEN INSPIRASI KISAH DONGENG: DUNIA KITA ini dilahirkan sebagai kesinambungan kisah-kisah lama tersebut untuk disesuaikan dengan situasi dan zaman terkini. Daya kreativiti penulis mengadaptasi cerita yang tersurat dan menyampaikan makna yang tersirat telah menghasilkan karya-karya menarik untuk bacaan anak-anak. Seramai 16 orang penulis pelbagai latar dan profesion terlibat menangani antologi ini. Karya yang termuat dalam antologi ini sesuai sebagai bahan bacaan untuk peringkat kanak-kanak dan murid sekolah rendah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868402>

---

Kumpulan Puisi: Pak Kaduk Pulang Ke Kampung / Zurinah Hassan  
Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2022  
viii, 62p.  
9789672378792  
1. Malay poetry.  
2. Puisi.  
3. Poetry.  
\$ 15.00 / PB  
120gm.

Pak Kaduk Pulang ke Kampung, ialah kumpulan puisi kecil mengandungi 45 sajak, namun padat dengan kisah negara dari zaman pejuang yang dibunuh komunis hingga ke zaman YB yang mengasari pengundi, siswazah yang berkejaran dengan Grab Food hingga ke pesara yang terpaksa menyara anak-anak yang kehilangan pekerjaan akibat Covid-19, Pada zaman digital ini, Pak Kaduk yang lama muncul di san sini dalam bentuk dan gaya yang berbeza.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868403>

---

Mutiara Pantun Melayu / Zurinah Hassan  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023  
xvi, 128p.  
9789674617974  
\$ 12.50 / PB  
180gm.

Mutiara Pantun Melayu merupakan sebuah bingkisan Zurinah Hassan yang bertujuan untuk memberi panduan kepada peminat-peminat pantun agar dapat menghasilkan pantun-pantun yang mempunyai nilai estetika. Oleh kerana pantun juga diajar di sekolah-sekolah hingga ke universiti di dalam dan di luar negara, maka penerbitan buku ini boleh dijadikan panduan dan rujukan tambahan dalam pembelajaran puisi. Mendalami penulisan pantun juga dapat membantu seseorang dalam menulis puisi moden atau sajak kerana pantun mendekatkan seseorang dengan perlambangan dan pengucapan yang berima yang menambah nilai puitis sesebuah puisi. Di samping menulis pantun, penulis juga terlibat dalam memberi ceramah tentang pantun khususnya menjadi pembimbing dalam bengkel penulisan pantun. Banyak persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh para peserta bengkel pantun akan terjawab dalam buku ini.

Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah pengenalan kepada pantun, penjelasan tentang ciri-ciri pantun dan bimbingan untuk mengarang pantun. Oleh kerana perkara yang membezakan pantun dengan bentuk puisi yang lain adalah baris-baris yang dikenali sebagai pembayang, maka tumpuan akan diberikan kepada pembinaan pembayang. Pembayang bukan semata-mata berfungsi untuk mendapatkan rima, tetapi juga padanan makna dan suasana dengan maksud. Makna dan suasana ini sebahagian besar dibina daripada unsur alam yang digunakan. Sebagai karya sastera bahasanya dihiasi dengan metafora, personifikasi, simile dan sebagainya yang dapat mengukuhkan makna. Sebagai karya sastera, pantun perlu mengandungi pemikiran dan nasihat untuk kebaikan bangsa.

Dalam bahagian pertama juga terdapat pantun-pantun tradisi yang sudah terkenal dalam masyarakat tempatan malah Antarabangsa. Peminat-peminat pantun perlu mendekati pantun-pantun tradisi bagi memahami, misalnya bagaimana unsur alam digunakan dengan tujuan mendapat padanan antara pembayang dan maksud. Pantun juga mengutamakan bahasa lama menggambarkan budaya tempatan dan tutur kata yang tidak melanggar batas kesopanan. Nilai-nilai estetika dalam pantun tradisi perlu dipelajari dan dijadikan panduan untuk mencipta pantun-pantun semasa yang bermutu.

Dari pantun tradisi yang diperturunkan secara lisan, diperlihatkan pula situasi pada era mutakhir atau era dunia siber. Beberapa contoh pantun dipetik daripada hantaran di Facebook untuk membuktikan bagaimana ledakan globalisasi dan media baharu tidak menjejaskan perkembangan pantun, malah memberi ruang dan nafas baharu untuk pantun terus tumbuh dan mekar. Bahagian kedua memuatkan pantun-pantun karya kreatif penulis sendiri (koleksi pantun Zurinah Hassan). Pantun-pantun ini dibahagikan kepada pantun nasihat dan keagamaan, resam manusia, keindahan tempat dan hubungan kasih sayang. Kemudian, disusuli pula dengan pantun yang berkaitan dengan nilai remaja, juga pantun untuk pengantin baharu yang sesuai untuk majlis perkahwinan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=855004>

---

Bicara Filem Dunia Wayang Satira: Ulasan Dari Mata Penonton / Aina Mastura Binti Mohamed Saaid  
Shah Alam, Selangor: Kualiti Hitam Enterprise, 2023  
x, 130p.

9786299736615

1. Satire—History and criticism.
2. Satirical plays.
3. Film criticism.

\$ 15.00 / PB

195gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868404>

---

Antologi Puisi Tradisi: Leluri / SN Zurinah Hassan  
Shah Alam, Selangor: Kualiti Hitam Enterprise, 2023  
111p.

9786299736622

\$ 15.00 / PB

165gm.

"Leluri menghimpunkan 49 buah puisi tradisi yang dihasilkan oleh 30 orang penulis dari seluruh negara. Karya yang berupa pantun, syair, gurindam, dan seloka ini membicarakan tema kasih sayang, kekeluargaan, cinta kepada negara dan warisan budaya, yang dapat menyemai nilai-nilai murni dalam membangun bangsa yang bermartabat. Semoga contoh-contoh karya dan ulasannya dapat dimanfaatkan oleh mereka yang berminat untuk menulis puisi tradisi."

<http://www.marymartin.com/web?pid=868405>

---

Antologi Pantun: Duri Semalu / SN Dato' Rahman Shaari  
Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2023  
xiv, 84p.  
9789672378914  
\$ 15.00 / PB  
135gm.

Setitis embun pasti hadir setipa pagi dalam gemersiknya suara bayu mengalunkan simfoni kesyukuran pada-Nya, Yang Hakiki. KIta bertemu dalam hamparan seloka, nasihat, sindiran dan gurauan agar budaya Melayu takkan lekang dek panas, takkan basah dek hujan dan takkan lapuk dek zaman. Kita mengadun rasa dalam keindahan gugusan diksi yang dirangkai menjadi pantun empat kerat. Ilham rasa menjadi inspirasi di jiwa. Lucu bersulam sindiran, seloka memaknai nasihat dan gurauan bertinta panduan. Sebegitulah gugusan rasa bersulam keindahan. Sebegitulah maksud menyulam kata-kata mengisi segala ruang kosong dalam sanubari. Telusuri salasilah diri. Menghayati wasilah insani. Warisan turun-temurun yang melahirkan kebijaksanaan penuh santun. Pantun adalah warisan zaman berzaman. Pantun juga mencerminkan nilai diri Masyarakat Melayu. Pantun umpama sahmura yang berkilau di dalam lumpur, semakin digali, semakin terserlah keunikannya yang tersendiri. Berhimpun 49 penulis dalam naskah Duri Semalu sebagai panduan bicara menurut nasihat secara bersantun.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868406>

---

Antologi Puisi Tradisi: Taman Warisan / Zurinah Hassan  
Shah Alam, Selangor: Kualiti Hitam Enterprise, 2022  
xii, 78p.  
9786299736608  
1. Malay poetry.  
2. Puisi.  
3. Poetry.  
\$ 12.00 / PB  
125gm.

Taman Warisan membawa puisi-puisi tradisi, Pantun, Syair, Gurindam, Seloka, karya Zurinah Hassan, Roslan Madun, Ghazali Lateh, Nazim Mohd Subari Dan Shamsudin Puteh. Ia memperlihatkan bagaimana puisi warisan berkembang dalam dunia digital untuk memperkatakan perihal semasa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=867606>

---

Perjuangan Di Bumi Barakah Gaza-Palestine: 7/10 Geluncuran Angin – Iron Dome / Sohaimi Abdul Aziz  
Pulau Pinang, Malaysia: Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2024  
viii, 48p.  
9786299816263  
I. Puisi dan Peperangan Gaza-Palestine-Israel-Krisis Kemanusiaan  
II. Penyelenggara: Sohaimi Abdul Aziz  
\$ 12.00 / PB  
95gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868407>

---

### *Music*

Modul Nurul: Panduan Pembelajaran Komprehensif Dan Intensif Untuk Menguasai Instrumen / Garry Kuan, Kueh Yee Cheng, Vincent Tee Wei Shen, Kang Yi Qi

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023  
x, 50p.

Include Index  
9789674617288

1. Violin.
2. Violin-Instruction and study.
3. Violin music.

\$ 15.00 / PB  
95gm.

Buku ini merupakan hasil penulisan gabungan penulis yang berpengalaman dan berminat untuk mengajar dan mendidik pembaca dalam permainan biola. Idea penulisan buku ini diilhamkan daripada kisah seorang pesakit neuroblastoma (kanser otak) yang bernama Nurul Islah, iaitu seorang pejuang kanser yang mempunyai hasrat untuk belajar dan menguasai teknik permainan biola.

Buku ini juga ditulis khas untuk sesiapa sahaja yang berminat untuk belajar bermain biola dengan cara yang mudah dan cepat. Lagu-lagu yang disediakan di dalam buku ini terdiri daripada lagu-lagu Melayu tradisional, lagu-lagu yang biasa dinyanyikan di taska serta lagu pop Korea yang hangat dinyanyikan oleh generasi muda.

Ilustrasi tentang cara-cara bermain biola yang diselitkan di dalam buku ini memudahkan lagi pembaca mempelajari permainan biola. Proses pembelajaran permainan biola secara mudah dan cepat ini mampu memupuk minat pembaca untuk mendalami teknik permainan alat muzik ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868408>

---

### *Politics / Current Affairs*

Amanah: Mekar Dalam Api / Muhaimin Sulam  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia: Ilham Books, 2024  
302p.

9789670067155  
\$ 20.00 / PB  
355gm.

Buku Amanah: Mekar Dalam Api merupakan memoir perkembangan suatu idealisme melalui likuan yang penuh ranjau dan duri sebuah parti Islam di Malaysia iaitu Parti Amanah Negara. Politik bukanlah suatu persoalan hitam putih yang mudah untuk diputuskan. Menulis kembali cerita lama seperti membuka luka lama yang belum sembuh. Sejarah adalah ibrah buat semua yang ingin maju ke hadapan. Biar sepahit mana sekali sejarah itu diketahui, jika ibrah yang dicari, kemanisan hidup bermasyarakat dan bernegara akan dapat dikecapi maknanya.

Buku ini adalah manifestasi sebuah perjalanan politik idealis. AMANAH itu sendiri suatu nilai yang ideal. Suatu cabaran besar untuk sebuah parti politik atau mana-mana ahli politik yang menjadikan nilai amanah sebagai suatu idealisme.

Antara persoalan paling kritikal kepada AMANAH setelah berusia lapan tahun adalah apakah idealisme perjuangan politik AMANAH sudah berubah? Apakah perubahan yang berlaku dalam AMANAH? Apakah apabila menjadi sebahagian kerajaan dan bekerjasama dengan musuh politik mereka dahulu membuatkan AMANAH hilang idealisme perjuangan politik mereka? Bagaimanakah AMANAH mampu beradaptasi dengan perubahan-perubahan yang berlaku dengan pantas ini?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866999>

---

Keputusan Akhir: Dari Pekan ke Penjara / Ariff Lias

Kuala Lumpur, Malaysia: Terbitan Write & Brave Sdn Bhd, 2024  
xxii, 186p.  
9789672437796  
\$ 16.50 / PB  
215gm.

Dalam 'Dari Pekan Ke Penjara,' pembaca dibawa meneroka dunia perundangan dan politik Malaysia melalui episod kontroversi Dato Seri Najib Razak. Buku ini membongkar secara terperinci perjalanan kes SRC, sebuah episod penting dalam sejarah politik Malaysia. Ikutilah pengembaraan ini untuk memahami dinamika keadilan, politik, dan media di Malaysia. Lebih daripada sekadar kronologi kes, buku ini adalah renungan tentang keadilan, etika, dan cabaran dalam sistem perundangan. 'Dari Pekan Ke Penjara' menjanjikan pandangan yang kritis dan berbeza mengenai kes yang telah menggegarkan negara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868409>

---

Dendam Orang Menang: Melawan Pendakwaan Terpilih / Shahrir Abdul Samad  
Kuala Lumpur, Malaysia: Terbitan Write & Brave Sdn Bhd, 2024  
xxvi, 150p.  
Include Bibliography  
9789672437802  
\$ 16.50 / PB  
195gm.

Dalam 'Dendam Orang Menang,' kita dibawa ke dalam dunia Tan Sri Shahrir Samad, yang menghadapi cabaran terbesar dalam karier politiknya. Buku ini mengisahkan bagaimana beliau berjuang melawan tuduhan gagal mengisytiharkan RM1 juta yang diterima dari Datuk Seri Najib Razak melalui cek kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Di tengah serangan dan tuduhan dari Pakatan Harapan, naratif ini mengungkapkan perjalanan beliau membersihkan namanya dan keberhasilannya dalam menghadapi kes pendakwaan terpilih.

Dengan penceritaan yang mendebarkan dan penuh emosi, 'Dendam Orang Menang' membawa pembaca ke dalam pusaran politik, keadilan, dan dilema moral. Lebih dari sekadar perjuangan di mahkamah, buku ini juga menjelajahi kedalaman karakter, kekuatan semangat, dan ironi dalam politik. Cerita ini mencerminkan perjuangan mencari keadilan dalam sistem yang kompleks dan penuh cabaran.

Saksikan bagaimana Tan Sri Shahrir mengatasi rintangan ini dengan keberanian dan ketabahan, menjadikan 'Dendam Orang Menang' sebuah kisah inspiratif tentang ketahanan, integritas, dan pencarian kebenaran dalam dunia yang serba kelabu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868410>

---

### *Religion – Islam*

Kesesatan Ajaran Ahmadiyya Qadiani / Nazrul Hassan  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023  
xiv, 98p.  
9789674617233

1. Islamic heresies.
2. Ahmadiyya—Missions.
3. Islam—Doctrines.
4. Kufr (Islam).

\$ 13.50 / PB  
150gm.

Kajian berkaitan fahaman kumpulan Ahmadiyya atau lebih dikenali sebagai Qadiani ini menjawab dan menghuraikan beberapa perkara yang menjadi teras kepada fahaman Ahmadiyya yang telah berkembang di seluruh dunia serta difatwakan sebagai terkeluar daripada ajaran Islam yang sebenar. Dalam konteks tersebut, karya ini hadir bagi menjelaskan konsep akidah yang sebenar menurut syarak. Ia adalah hasil penelitian secara terus terhadap nas-nas al-Quran dan sunah serta disokong oleh pandangan ulama yang memahaminya selaras dengan objektif dan prinsip syarak. Ringkasnya, karya ini menjawab dakwaan-dakwaan kumpulan ini secara tuntas dan komprehensif agar mereka dapat dibimbing ke jalan yang lurus serta kembali berpegang pada tafsiran Islam berdasarkan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, fikah serta tasawufnya, dan bukan berdasarkan tafsiran mereka yang menyeleweng dan tersasar.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868411>

---

Status Kisah & Petua Yang Tular Dalam Masyarakat Islam / Nazrul Hassan

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023

xvi, 104p.

9789674617899

\$ 15.00 / PB

155gm.

Status Kisah dan Petua yang Tular dalam Masyarakat Islam ini membicarakan tentang kisah dan petua agama palsu yang berakar umbi sejak sekian lama dalam masyarakat Islam nusantara yang tidak dapat dipastikan keabsahan sumbernya. Buku Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafa'is yang mengandungi hadis-hadis palsu yang menjadi sumber penyebaran sebahagian besar kisah dan petua palsu yang tular juga turut dibincangkan.

- Benarkah solat dengan memakai serban lebih tinggi ganjarannya?
- Benarkah petua mencalit garam sebelum makan merupakan sunnah Rasulullah?
- Bolehkah kita mengamalkan petua Nabi Khidir? Benarkah Nabi Khidir masih hidup?

Buku ini sesuai dan perlu dibaca oleh segenap lapisan masyarakat untuk mengelakkan kisah dan petua yang palsu terus tular dan tersebar dalam masyarakat Islam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859792>

---

Bagaimana Berinteraksi Dengan Bidaah? / Mohd Hapiz Mahaiyadin

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023

viii, 104p.

9789674617219

1. Islamic heresies.
2. Sin—Islam.
3. Authority—Religious aspects-Islam.

\$ 15.00 / PB

150gm.

Buku ini menjelaskan pentafsiran makna dan aplikasi bidaah sebagai suatu ijtihad menurut dua pendekatan ulama Ahlussunnah wal Jamaah yang diikuti oleh aliran majoriti ulama dan aliran Salafiyah.

Perbezaan corak pandang antara golongan muwassi'un dan mudayyiqun terhadap konsep bidaah secara tidak langsung menyebabkan ikhtilaf fatwa dalam penilaian hukum terhadap sesuatu perkara khususnya berkaitan teknikaliti ibadah yang tidak pernah terjadi pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat RA.

Begitu juga ikhtilaf pengkategorian bidaah kepada bidaah hasanah dan bidaah sayyi'ah atau bidaah diniyyah dan bidaah duniyawiyyah yang tidak disertai dengan sikap tasamuh akan mencetuskan konflik amalan dalam kalangan masyarakat Islam. Hal demikian sangat merugikan umat Islam

kerana para ilmunya membazirkan masa dan minda membahaskan perkara yang dipolemikkan sejak zaman berzaman.

<http://www.marymartin.com/web?pid=861145>

---

Islam, Autoritarianisme, dan Kemunduran Bangsa: Suatu Perbandingan Global Dan Pensejarahan / Ahmet T. Kuru

Kuala Lumpur, Malaysia: Islamic Renaissance Front Berhad, 2024

9789672638834

\$ 32.50 / PB

570gm.

Perbahasan tentang kemunduran dalam dunia Islam telahpun semarak sejak dari 200 tahun yang lampau dengan kedatangan kuasa-kuasa kolonialisme ke dunia Islam. Namun begitu, ia kekal sebagai perbahasan yang agak dangkal antara kedua-dua ekstrem – mereka yang menyerang Islam dan mengatakan yang ia sebagai punca kemunduran; dan mereka yang senantiasanya menyalahkan kuasa kolonialisme bagi sebarang masalah di dalam dunia Islam.

Tetapi buku ini melakarkan sesuatu yang berlainan, yang disokong oleh statistik dan manuskrip-manuskrip silam, bahawasanya kemunduran itu adalah daripada kesan struktur yang lahir kemudiannya dalam sejarah umat Islam seperti penginstitutionan kuasa aparat agama yang tiada mempunyai sebarang kebebasan untuk bersuara melainkan apa yang telah ditentukan oleh kuasa negara. Dan juga satu lagi penghadang besar adalah akibat dari peminggiran golongan intelektual dan pakar-pakar ekonomi daripada kalangan usahawan dengan mengguna-pakai undang-undang yang bersifat mencengkam demi untuk mengawal- selia mereka ini.

Perkara yang sedemikian ini adalah sesuatu yang baru di dalam Islam kerana ia tidak pernah wujud dalam abad-abad awal Islam berkembang yang dengan kerananya itu, kaum Muslimin telah dapat mencipta tamadun yang gilang gemilang yang bertahan selama beberapa kurun. Apa yang jelas, penulis buku ini tidak ingin untuk memaksakan pendapatnya malahan mempersembahkan kesemua pendapat termasuk pendapatnya sendiri serta memberikan ruang kepada para pembacanya untuk membuat kesimpulan mereka sendiri. Kita mungkin bersetuju atau tidak dengan pendapat dan saranan yang ada di dalam buku ini, tapi apa yang pasti, selepas membaca buku ini, kita mungkin akan melihat isu kemunduran umat Islam ini dengan kaca mata yang berbeza.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868412>

---

Antologi Travelog Masjid-Siri Jawlah Masjid: Sejadah Iktikaf / Noraini Omar

Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2024

x, 90p.

9786297576077

\$ 20.00 / PB

155gm.

Jika Turki terkenal dengan keindahan Hagia Sophia, Malaysia juga mempunyai seni masjid yang boleh kita banggakan dan menjadi tarikan pelancong.

Kenapa travelog masjid?

Mahu hebahkan keistimewaan masjid secara santai daripada pengalaman penulis yang mengimbau kenangan Ketika jawlah ke masjid. Perasaan syahdu dan damai Ketika beriktikaf di ruang soalt mengingatkan kita sebagai hamba yang memerlukan inayah-Nya. Tempat yang nyaman dengan kesenian Islam yang indah, kaligrafi dan hiasan yang berkaitan dengan kebesaran Allah. Binaan masjid yang Lestari dengan alam mengingatkan kita supaya bersyukur dengan segala anugerah Allah.

Siri keempat ini menonjolkan seni bina masjid sebagai lambing budaya dan tradisi Masyarakat setempat. Sebanyak 11 buah masjid ditonjolkan dalam naskah kali ini daripada Sembilan orang pengembara masjid.



<http://www.marymartin.com/web?pid=868413>

---

### *Sociology / Cultural Studies*

Isu Dan Pemikiran Warisan Dalam Era Kontemporari / Nordiana Ab Jabar & Daeng Haliza Daeng Jamal  
Kelantan, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2023  
xvi, 218p. ; 23cm  
9789670021829  
\$ 22.50 / PB  
360gm.

Kepelbagaian isu berkaitan seni, budaya dan warisan di Malaysia yang dibincangkan dalam setiap tajuk adalah berkait rapat dengan perkembangan semasa seni, budaya dan warisan di Malaysia. Perbincangannya juga merangkumi sejarah, objek budaya dan khazanah warisan yang tidak terlepas dari perkara-perkara berbangkit dan isu-isu semasa sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Isu-isu yang dibincangkan dalam buku ini turut merentasi kerelevanan aplikasi teknologi dalam memartabat dan memulihara khazanah warisan di Malaysia. Warisan kebudayaan adalah manifestasi kebitaraan masyarakat terdahulu yang menterjemah keindahan alam semula jadi kepada satu bentuk objek budaya dan seni sehingga diturunkan kepada generasi seterusnya. Dalam erti kata lain, warisan wujud setelah melalui satu proses sejarah yang panjang sehingga mewujudkan rasa kesepunyaan (sense of belonging) untuk diteruskan dari generasi ke generasi. Warisan sesebuah bangsa, sama ada berbentuk ketara mahupun tidak ketara, alam semula jadi atau warisan kebudayaan di bawah air dilihat mempunyai falsafah, keunikan dan nilainya yang tersendiri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868414>

---

Peranakan Cina Kelantan / Nasirin Abdillah, Tenh Hock Kuan, Mohamad Shahfik Afendi Abdul Ghani & Arif Datoem  
Kelantan, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2023  
x, 78p.  
Include Index  
9789670021751  
\$ 35.00 / HB  
485gm.

Peranakan Cina Kelantan adalah sebuah dokumentasi bergambar (pictorial documentation) berformatkan coffee table book yang menyajikan maklumat ringkas, namun padat berserta foto-foto menarik berkaitan salah satu kaum di Kelantan iaitu, Peranakan Cina. Kebanyakan maklumat dalam buku ini khususnya adalah berdasarkan sumber informasi daripada Galeri Peranakan Cina Kelantan yang terletak di Tanah Merah, Kelantan. Walau bagaimanapun, kebanyakan foto dalam buku ini adalah hasil daripada penyelidikan penulis-penulis sendiri yang telah menjalankan kerja lapangan di beberapa perkampungan peranakan cina di Kelantan. Buku ini, selain maklumat bergambar, juga mendokumentasikan beberapa aspek penting peranakan cina Kelantan seperti sejarah, pakaian, hiburan, kepercayaan, upacara keagamaan, teknologi pertanian, seni bina dan kesusasteraan. Seiring dengan perkembangan Augmented Reality (AR) terkini, para pembaca juga boleh mengimbas kod QR pada buku ini untuk mengakses dan mengalami sendiri satu virtual tour Galeri Peranakan Cina Kelantan yang begitu mengujakan, di samping menambah pengetahuan tentang kaum peranakan cina di Kelantan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868415>

---

Menjawab Mitos Melayu Malas: Kajian Kes Penghijrahan Masyarakat Melayu Ke Kerian, Perak, 1816 – 1947 / Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024  
xviii, 262p.  
Include Index  
9789674618148  
\$ 22.00 / PB  
460gm.

Salah satu stigma yang sehingga kini membayangi orang Melayu ialah ungkapan 'Melayu malas'. Ungkapan ini mula berakar umbi sejak zaman penjajahan British di Tanah Melayu, lalu dikukuhkan melalui penulisan-penulisan selepasnya. Sifat malas orang Melayu ini telah dijadikan sebagai hujah kepada kemunduran dan ketinggalan orang Melayu dalam sektor ekonomi. Justeru, buku ini akan membahaskan ungkapan Melayu malas yang dikaitkan dengan punca kemunduran ekonomi orang Melayu semasa zaman penjajahan melalui perbincangan tentang aspek penghijrahan orang Melayu ke Kerian, Perak. Berdasarkan aktiviti penghijrahan orang Melayu ke Kerian, didapati bahawa orang Melayu bukanlah malas berikutan kesanggupan mereka berhijrah meninggalkan kampung halaman bagi mengusahakan penanaman padi di Kerian dan atas faktor peluang-peluang ekonomi yang lebih terbuka di daerah ini. Bahkan, aktiviti penghijrahan orang Melayu ke Kerian ini telah pun berlaku sejak sebelum penjajahan British. Penjajahan British hanyalah merancakkan lagi aktiviti penghijrahan tersebut melalui peluang-peluang ekonomi yang ditawarkan seperti pemilikan tanah yang mudah dan murah serta penyediaan Rancangan Pengairan Kerian. Namun, kewujudan sekatan perundangan, khususnya pelaksanaan The Krian Irrigation Enactment, 1905 bukan sahaja telah meningkatkan kos penanaman padi, bahkan menghalang orang Melayu daripada menggantikan tanaman padi mereka dengan tanaman komersial getah yang jauh lebih menguntungkan. Hal inilah yang menyebabkan kehidupan dan ekonomi orang Melayu terus miskin dan mundur semasa penjajahan British. Benarkah perundangan zaman penjajahan ini menjadi punca utama kepada kemunduran ekonomi orang Melayu? Apakah muslihat penjajah di sebalik sekatan perundangan yang diperkenalkan? Persoalan-persoalan yang timbul akan terjawab dalam kupasan perbincangan buku ini yang diolah secara terperinci dengan bukti-bukti yang nyata.  
<http://www.marymartin.com/web?pid=868416>

-----  
Covid-19 Impak Kesihatan dan Norma Baharu Kehidupan / (Eds) Azidah Abdul Kadir, Ruzilawati Abu Bakar & Wan Faiziah Wan Abdul Rahman  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023  
xii, 234p.  
Include Index  
9789674616908  
1. COVID-19 (Disease)-Social aspects.  
2. COVID-19 Pandemic, 2020-Social aspects.  
3. Coronavirus infections  
\$ 23.50 / PB  
410gm.

COVID-19 ternyata mencetuskan fenomena baharu dalam atmosfera kehidupan setiap manusia. Kemunculannya yang tanpa diduga pada penghujung tahun 2019 memberi impak secara holistik dalam semua aspek kehidupan. Aspek kesihatan adalah antara yang paling terkesan sehingga tercetus norma baharu kehidupan yang menuntut perubahan cara hidup di luar norma kebiasaan. Meskipun vaksin telah ditemui dan status pandemik beralih kepada endemik, namun ia bukanlah pengakhiran sebuah cerita COVID-19 kerana masih banyak misteri yang perlu dirungkai dan dikongsi. Justeru, ahli akademik dan pakar perubatan barisan hadapan bergabung kepakaran dalam bentuk penulisan dengan mengupas pelbagai isu menarik yang jarang ditemui dalam media arus perdana.

Bagaimanakah golongan barisan hadapan menangani pandemik COVID-19 dalam perkhidmatan perubatan kecemasan, primer dan pergigian? Mengapakah COVID-19 menjadi begitu dahsyat apabila menjangkiti golongan berisiko? Apakah kesan kesihatan lain dalam kehidupan rentetan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan? Semua persoalan ini dirungkaikan dalam buku ini. Bermula daripada bab pertama hingga bab terakhir, ia padat dengan maklumat! Selamat membaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=868417>

---

## *Sports*

Kesejagatan Warisan Silat Melayu: Rangkaian Kearifan / (Eds) Abdul Hafiz Ab Majid & Ab Majid Ismail

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023

xix, 189p.

Include Index

9789674617264

1. Martial arts-Malaysia.
2. Silat.
3. Self-defense-Malaysia.
4. Hand-to-hand fighting-Malaysia.

\$ 16.00 / PB

335gm.

Silat merupakan ilmu warisan bangsa yang diamalkan hampir di seluruh Nusantara. Kini seni silat telah diiktiraf sebagai salah satu warisan tidak ketara dunia oleh UNESCO. Suatu ketika dahulu silat telah menjadi ilmu pelengkap yang menjadi pegangan para panglima, hulubalang dan pendekar untuk mempertahankan diri ketika bertarung atau berperang. Kajian-kajian terhadap ilmu persilatan yang telah dilakukan ini jelas membuktikan bahawa silat bukan sahaja ilmu bertarung yang hebat malahan ia memiliki nilai seni yang begitu tinggi, ilmunya didapati begitu luas merangkumi bidang-bidang ilmu falsafah, agama, pendidikan, sains dan teknologi. Buku ini merupakan himpunan hasil penyelidikan dan penulisan ilmiah para penyelidik, pengamal dan peminat ilmu silat Melayu. Ia bertujuan untuk merungkaikan kehebatan dan kemampuan ilmu silat warisan sejagat ini sebagai satu komponen kearifan tempatan yang amat dikagumi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859793>

---